

08/10/1997

Papan iklan mengandungi ayat al-Quran di lebuh raya

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan memutuskan untuk memasang papan iklan dan cogan kata mengandungi ayat al-Quran dan terjemahannya di tempat sesuai sepanjang lebuh raya dan persimpangan di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Perdana Menteri bersetuju dengan usaha membangkitkan semangat umat Islam menghayati sepenuhnya kandungan al-Quran.

Beliau berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sedang meneliti dan memilih ayat sesuai untuk ditulis pada papan iklan sebelum dikemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir untuk kelulusan.

"Beberapa korporat terkemuka di negara ini bersetuju membiayai pembinaan dan pemasangan papan iklan berkenaan di tempat strategik serta mudah dibaca umat Islam di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar al-Quran di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, Gong Badak, dekat sini, hari ini.

Hamid berkata, langkah itu adalah sebagai asas tamadun dan peradaban baru umat Islam negara ini seperti yang ditegaskan Dr Mahathir ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno, bulan lalu.

Menurutnya, antara ayat yang dipilih adalah yang berasaskan gesaan terhadap pekerjaan, sifat kesederhanaan dan perkara yang berkaitan dengan program pembinaan keluarga.

"Kerajaan tidak berhajat menyekat program pembacaan al-Quran, termasuk kelas fardu ain, malah akan memperhebatkannya supaya masyarakat dan negara menjadi stabil menerusi pembacaan dan penghayatan al-Quran," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga menghidupkan semula kelas agama fardu ain di kampung sejak 1982 dan dimasukkan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) selepas program itu ditamatkan berikutan timbul kekeliruan mengenai Akta Pendidikan 1961.

"Penutup kelas al-Quran meninggalkan kesan mendalam sehingga ramai ibu bapa pada hari ini tidak tahu membaca al-Quran dan mula membina saksiah dalam bentuk lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pengurusan pusat pengajian tinggi negara ini membaca khutbah dalam kawasan kampus masing-masing.

(END)